

12/09/1997

Tangga Kenari untuk daki puncak Gunung Jerai

Hassan Omar

DI SEBALIK kemegahan senyuman Gunung Jerai, iaitu gunung tertinggi di Kedah, tersimpan pelbagai rahsia khazanah keindahan alam semula jadi sama ada di puncak, keliling atau kakinya.

Sayup mata memandang puncak Gunung Jerai yang bagaikan ingin mencapai dada langit tidak mampu menceritakan seribu satu macam rahsia alam.

Liku-liku anak sungai yang mengalir dari puncak Gunung Jerai bagaikan menanti kehadiran pelancong menikmati kedinginannya.

Begitu juga dengan hutan belantara yang tersimpan pelbagai rahsia untuk diterokai bagi mengenali lebih dekat warisan alam negara.

Setakat ini, pelancong yang ingin menjejaki puncak gunung berkenaan menggunakan laluan jalan raya dari pekan Gurun.

Dengan menggunakan sama ada kenderaan sendiri atau perkhidmatan van sewa di kaki gunung Jerai, pelancong boleh tiba di kemuncak dalam tempoh kira-kira 25 minit.

Namun, dalam tempoh dua tahun lagi bukan lagi Gunung Jerai bukan hanya boleh didaki menggunakan kenderaan.

Sebanyak kira-kira 3,500 anak tangga kini giat dibina untuk memberikan peluang kepada pelancong mendaki dari kaki gunung ke kemuncaknya.

Tangga setinggi 1,200 meter itu dibina hasil ilham Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid bertujuan memajukan sektor pelancongan berasaskan keindahan alam semula jadi di Yan.

Sanusi menamakannya sebagai Tangga Kenari sempena sejenis burung yang banyak terdapat di Kedah.

Dengan menyusuri jalan berturap tar dari pekan Yan Besar, pelancong boleh terus di kawasan rekreasi air terjun Kampung Titi Hayun yang dipilih sebagai destinasi pembinaan anak tangga ke puncak Gunung Jerai.

Projek bernilai kira-kira RM2.5 juta itu dilaksanakan sebuah syarikat swasta pada Mei lalu dan dijangka siap sepenuhnya Mei 1999.

Apabila siap kelak, tangga yang dipercayai terbanyak dan terpanjang di dunia itu dijangka dicatatkan dalam 'Guinness Book of World Record,' sekali gus mempamerkan kemampuan rakyat Malaysia mencipta sejarah.

Tinjauan Berita Harian mendapati kerja pembinaan sudah mencapai ke anak tangga ke-403 tetapi terpaksa dihentikan kira-kira dua minggu lalu berikutan musim hujan.

Selain bertujuan meningkatkan kemajuan industri pelancongan, ia juga bertujuan menyediakan peluang masyarakat di negeri ini atau pelancong asing membina stamina ketika mendaki.

Pembinaan tangga itu juga mengurangkan risiko penggemar kegiatan kembara dalam hutan daripada tersesat.

Tangga berkenaan pernah dilawati Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam lawatannya ke Kedah, 14 Ogos lalu.

Sempena lawatan berkenaan juga, gotong-royong membabitkan kira-kira 300 penduduk Kampung Titi Hayun dan beberapa kampung di sekitarnya dilaksanakan.

Seorang penduduk Kampung Titi Hayun, Jamaluddin Zainol, 43, berkata kampung berkenaan kurang dikenali masyarakat luar sebelum ia dipilih sebagai lokasi pembinaan tangga itu.

"Bagaimanapun, selepas kerja membina tangga dimulakan Mei lalu, ramai orang luar dan pelancong asing yang berkunjung ke kawasan rekreasi ini bagi menikmati kedinginan air terjun dari puncak Gunung Jerai.

"Mereka juga berpeluang melalui jambatan gantung melintangi laluan air

berbatu di sini selain mengambil peluang memanjat anak tangga sehingga setakat ia siap dibina," katanya.

Bagi memudahkan tugas, pekerja menggunakan kabel untuk menarik dan membawa turun pasir serta simen dari kaki gunung ke kawasan pembinaan.

Selain itu, air juga disalurkan melalui paip panjang yang dipasang di tepi kabel hingga ke kawasan pembinaan bagi memudahkan pekerja membancuh simen.

Pembinaan anak tangga turut memberikan peluang kepada penduduk kampung membabitkan diri dalam perniagaan kecil seperti gerai makanan dan minuman dan ia dijangka bertambah hebat jika kemuncak Gunung Jerai ini dimajukan dengan pembinaan chalet.

Bagaimanapun, ketika tinjauan Berita Harian mendapati kawasan rekreasi terbabit perlu disediakan lebih banyak tong sampah bagi menjamin kebersihan persekitarannya.

Selain itu, pondok rehat bagi pengunjung berteduh daripada hujan juga perlu ditambah kerana pada masa ini ada hanya satu pondok seumpama itu.

(END)